



TEKS UCAPAN
YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DALAM
PERASMIAN SEMINAR PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA
KEBANGSAAN
(*NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN – NHRAP*)

Tarikh : 8 September 2015 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi
**Tempat : Institut Diplomasi dan Hubungan Luar
Negeri (IDFR), Kuala Lumpur**

*Bismilahirrahmanirrahim,
Assalamu `alaikum W.B.T.*

1. **Yang Berbahagia Datuk Mohd Zuki bin Ali,**
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri;
2. YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu
Pembangunan NHRAP;
3. Pegawai-pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan;

4. Tuan-tuan dan puan-puan.

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia *Allah S.W.T.* dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini dalam majlis yang pasti membawa seribu manfaat kepada kita semua iaitu Seminar pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan-NHRAP*).
2. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Pemandu, ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal, para jemputan daripada kementerian/jabatan/agensi Kerajaan, yang sudi melapangkan masa menerima jemputan dan menghadiri seminar selama dua hari, yang bermula pada hari ini.

3. Saya difahamkan bahawa seminar seumpama ini pernah diadakan pada Mei 2012 untuk memperkenalkan NHRAP kepada pegawai-pegawai kerajaan pada masa itu. Pada tahun lepas juga, saya dimaklumkan satu bengkel telah diadakan khas bagi pegawai-pegawai kerajaan yang merupakan wakil Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal bersama-sama dengan kumpulan penyelidik. Seminar kali ini pula merupakan lanjutan daripada program berkenaan.

4. Namun begitu, penganjuran pada kali ini adalah lebih khusus iaitu bukan sahaja untuk memperkenalkan NHRAP malahan memberi peluang kepada pegawai-pegawai untuk mendengar daripada pakar-pakar yang kita jemput khas dari *Office of the High Commissioner for Human Rights* (OHCHR) serta dari *Ministry of Justice* yang akan berkongsi pengetahuan, kepakaran dan pengalaman mereka mengenai pembangunan dan pelaksanaan NHRAP di negara Thailand.

Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,
Izinkan saya berucap dalam Bahasa Inggeris.

5. *Distinguished guests, let me welcome Mr. Imesh Pokharel, Human Rights Officer from the Office of the High Commissioner for Human Rights, Regional Office for South-East Asia (OHCHR); who is also in-charge of Thailand, Malaysia and Singapore. Ms. Nareeluc Pairchaiyapoom and Ms. Cheraporn Siripalang, Justice Officers from the Department of Rights and Liberties Protection, Ministry of Justice, Thailand to the Seminar on National Human Rights Action Plan, to share with us their experiences and involvements in formulating and implementing the national human rights action plan in Thailand.*

6. *I hope this will be an insightful and informative programme for all the participants of this seminar, particularly the government officials who are directly involved in the development of this crucial and significant national level document on human rights action plan for Malaysia. On behalf of the Government of Malaysia, I would like to express my sincere gratitude to your good selves and your esteemed organizations as well as the Ministry of Justice, Thailand for accepting our invitation to conduct a few sessions for our government officers who are the main participants in this seminar.*

7. *We are indeed looking forward to your presentation later, which I believe will share the Thai NHRAP experience, from its inception in the early years to now into its successful 3^d Plan. We hope to hear from you how Thailand managed to tackle the challenges and obstacles encountered as well as the difficulties faced in creating an action plan that would not only be satisfactory but highly acceptable to all the citizen.*

Ladies and Gentlemen,

8. *The NHRAP has the potential to chart the country's course into the future as human rights encompasses every aspect of our everyday living in a broad sense. Hence, the NHRAP can function as a tool at national level to give practical effect to international human rights obligations by revisiting our commitments and outlining steps to ensure that they are effectively observed.*

9. *As such, we want to ensure that human rights standards and practices in Malaysia are elevated to that of international norms.*

But this aspiration comes with a dose of reality of equally competing and sometimes conflicting interest, not always in sync.

10. *To achieve this aspiration, it requires on one hand, to identify the reality of these rights and practices in accordance with the standards of local laws and legislation, especially the highest law of the nation, the Federal Constitution as well as the many universal human rights covenants and conventions and other relevant international laws; and on the other hand, to identify the correct strategies and specific actions which are needed to be carried out to ensure success in the implementation of these rights*

within the local context and, not forgetting the reverence we have for our religion, culture and traditions.

11. *It is not a simple task. But we have to start some where. We (the Government) have been told* among the prerequisite for a successful development of NHRAPs include a political commitment at the highest level and broad representation on the coordinating bodies overseeing the efforts. The Government's intention to see Malaysia's very own NHRAP is very clear and the Government stays commitment to the pursuance of this course.

Ladies and Gentlemen,

12. *The objective of this seminar is give additional exposure to government officers who will be directly and indirectly the centre players in developing the NHRAP. I hope each and every one of you will make full use of this opportunity to acquire as much knowledge from the invited expert speakers. As Government officers, I hope you take it upon yourselves to emulate best practices other jurisdictions such as Thailand's where applicable to our realities in the best interest of our beloved nation and will*

contribute to the best of your abilities for this development and progress.

13. *A key factor for triumphantly implementing a NHRAP is the sustained commitment, support and hard-work of all government departments, agencies and their partners. Hence, I hope all of you present today comprehend the vital role you play as Government representative in making this plan a reality. For this reason, we have created a network of human rights focal points within each ministry as part of the Plan's development to provide a support mechanism for easy communication and progress.*

Ladies and gentlemen,

14. *We also hope to hear from the speakers, what kind of resistance did they meet and how were those setbacks dealt with as well as what were the approaches taken by our counterparts in Thailand to ensure their initiatives and efforts to formulate the Thai NHRAP, especially so in the commencement stages.*

15. *In this regard, I sincerely hope the distinguished speakers would share as much practical knowledge and real life situations with us and how the working groups were able to overcome those in*

disagreement to the likely change and unfamiliarity that the NHRAP could make.

16. *We hope to provide proper direction and equip our Government officers with sound understanding and sufficient information in tackling the challenge of developing our own NHRAP soon. The NHRAP is not merely a document for display but one that must be comprehensive, practical and workable. Though we hope, it is mostly a solution to issues of human rights infringement that will benefit people at all levels.*

17. *Hence, it is of utmost importance for us that the officers who are involved with formulating the NHRAP to be well-informed and adequately equipped with clear understanding of human rights issues play a significant and proactive role.*

Ladies and gentlemen,

18. *I have also been made to understand that there will be a forum session tomorrow in which prominent personality, namely Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, the Chairperson and our representative in (AICHR), ASEAN Intergovernmental Commission*

for Human Rights will be here. The other invited speaker is Puan Norhalida Mohd Khalil, Law Lecturer from University of Malaya specializing in Human Rights will also be here to share their thoughts on what will make our NHRAP work for us. I trust this will surely be an interesting and thought-provoking session.

19. *To all the participants, I encourage all of you to ask as many questions to the speakers and grasp as much information, knowledge and know-hows from the experts present at the Seminar. Let this two-day seminar be a productive and beneficial sessions for us all.*

Yang Berbahagia, tuan-tuan dan puan-puan,

20. Seminar ini merupakan satu platform yang sangat tepat untuk para hadirin sekalian berinteraksi dan berdiskusi mengenai tindakan dan langkah yang boleh diambil bagi membangun dan melaksanakan sebuah NHRAP yang komprehensif dan praktikal.
21. Malaysia sedang bergerak pantas ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Kita cuma mempunyai masa tidak sampai lima (5) tahun sahaja lagi dari sekarang untuk menyaksikan perkembangan dari

pelbagai aspek kehidupan masyarakat yang sangat mencabar, kompleks dan memberangsangkan. Sebagai contoh, indeks dari Jabatan Perangkaan berkaitan pendapatan dan kemiskinan isi rumah menunjukkan peningkatan pendapatan penduduk Malaysia yang berpendapatan sebanyak RM5,000 ke atas sebulan, di mana ia telah meningkat dari 0.1% pada tahun 1970 kepada 45.1% pada tahun 2004. Ini menunjukkan bahawa kualiti hidup rakyat telah meningkat dengan amat pesat. Sudah pasti secara tidak langsung, peningkatan kualiti hidup ini juga menuntut kepada peningkatan kualiti dalam hal-ehwal penjagaan dan pemeliharaan hak asasi manusia.

22. Selain itu, pelaporan mengenai pelanggaran hak asasi manusia di media massa seperti kes-kes pembuangan bayi, rompakan, pencemaran dan lain-lain tidak pernah surut malahan menunjukkan peningkatan. Bukankah itu juga menunjukkan bahawa rakyat semakin sensitif dan sedar akan keperluan kepada penjagaan dan pemeliharaan hak asasi manusia? Justeru, kita perlu menghormati prinsip bahawa setiap individu mempunyai hak masing-masing untuk ditegakkan dan dihargai. Seperti mana ungkapan mendiang Nelson Mandela iaitu *'To deny people of their human rights, is to challenge their very humanity'*.

23. Oleh yang demikian, sesuatu perlu dilakukan dengan segera bagi memastikan agar hak asasi manusia di Malaysia terjaga dan terpelihara sebaik mungkin. Kerajaan telah bersetuju bahawa pelan tindakan khas mengenai hak asasi manusia yang komprehensif dan praktikal perlu digubal, dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah diamanahkan sebagai menjadi *focal agency* untuk membangunkannya. Namun begitu, kerjasama dan komitmen dari semua kementerian, jabatan dan agensi amatlah diperlukan untuk turut memastikan agar usaha ini menjadi kenyataan demi manfaat dan kebaikan bersama.

Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

24. Saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian terhadap NHRAP yang sedang dibangunkan ini, di mana ia berpaksikan kepada lima (5) teras utama dalam NHRAP Malaysia, iaitu pertamanya ialah Hak Sivil dan Politik; kedua, Hak Ekonomi, Sosial dan kebudayaan; ketiga, Hak Golongan Rentan; keempat, Hak Orang Asal/Orang Asli; dan yang kelima ialah Kewajipan Antarabangsa. Kerangka utama NHRAP sememangnya sedang membawa hala tuju Malaysia ke peringkat antarabangsa, khususnya berkaitan hak asasi manusia.

Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

25. Suka saya tekankan di sini bahawa, kerjasama antara pihak Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat sivil dan orang awam juga amat penting dalam pembangunan NHRAP ini. Justeru, selain daripada penglibatan dan sumbangan daripada pihak Kerajaan, proses *engagement* atau *public consultation* juga akan diadakan bagi memastikan suara dan pandangan semua pihak diambil kira dalam pembangunan NHRAP.

26. Kerjasama dari semua pihak amat diperlukan dalam menjayakan sebuah NHRAP. Kita menanti-nantikan sebuah NHRAP yang bersifat inklusif, komprehensif dan efektif demi kebaikan semua. Puan-puan dan tuan-tuan yang berperanan sebagai peneraju dan pelaksana dasar Kerajaan adalah amat penting dalam pembangunan pelan tindakan ini. Besarlah hasrat saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyuarakan apa-apa sahaja pandangan dan idea yang bernas dalam sesi perbincangan yang diadakan kelak.

27. Jadikanlah platform pada hari ini sebagai sebuah platform perbincangan yang terbuka dan mendalam kerana kita sama-sama mahukan yang terbaik untuk negara kita. Inilah masanya kita bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu yang bakal memberi manfaat kepada masyarakat.

28. Saya amat berharap agar objektif seminar ini dapat dicapai sepenuhnya. Oleh itu, saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan;

- i) mempunyai minda yang positif mengenai cadangan pembangunan sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia di peringkat Malaysia;
- ii) kerjasama penuh dan komitmen dalam pelaksanaan *baseline study* kerana ianya menggambarkan status sebenar hak asasi manusia di Malaysia dan sebagai tanda aras dalam pelaksanaan dan penilaian NRAP kelak.

- iii) memastikan NHRAP adalah unik dalam acuan Malaysia tersendiri dan menggambarkan identiti Malaysia serta paling utama ianya sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan.

- iv) pembangunan NHRAP ini turut menggambarkan kepekaan Kerajaan Malaysia sendiri dengan kehendak tuntutan antarabangsa secara amnya namun mengasimilasikannya dengan keperluan dan kehendak Negara tersendiri. Pembangunan NHRAP yang berjaya akan menaikkan nama Malaysia di mata antarabangsa selain menyediakan Negara

untuk proses penilaian setiap 4 tahun sekali melalui Universal Periodic Review (dijangkakan pada tahun 2017).

29. Terima kasih kepada semua yang terlibat dan mengambil bahagian. Besar juga harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan sekalian dapat memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang tempoh seminar ini berlangsung demi manfaat kita bersama. Mudah-mudahan hasrat murni ini mendapat keberkatan dari *Allah S.W.T.*

30. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillaahir Rahmanir Rahim*, saya merasmikan Seminar Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).

Sekian, terima kasih.

*Wabillahittaufiq Walhidaayah, Wassalaamu `alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaatuh.*